

# Wabak Chikungunya kembali pulih

S.A 2012/08 M/S 22

■ NURAINN AZHAR

**SEMENYIH** - Keresahan penduduk sekitar pekan Tarun Broga mengenai jangkitan demam Chikungunya kini tidak lagi seperti sebelum ini kerana kebanyakan penduduk yang dijangkiti penyakit tersebut telah kembali pulih seperti biasa.

Tinjauan **Sinar Harian** mendapati di dua perkampungan berbeza mendapati penduduk telah mula menjalankan rutin harian mereka seperti biasa tanpa sebarang kebimbangan mahupun dalam keadaan berjaga-jaga antara satu sama lain.

Seorang pemilik kedai makan Chan Ah Kou di Tarun Broga di sini mendakwa sejak tiga bulan lepas hampir 200 penduduk dijangkiti demam tersebut dan telah menyebabkan perniagaan merosot sebanyak 30 hingga 40 peratus.



CHONG CHOW LIN

“Berikutan kebanyakan penduduk dijangkiti demam tersebut maka mereka lebih memilih untuk tinggal di rumah sahaja daripada keluar, sehubungan itu perniagaan yang dijalankan turut menerima kemerosotan.

“Ada di antara mereka mengalami kemerah-merahan dan bengkak-bengkak satu badan manakala ada juga yang turut mengalami demam panas terlebih dahulu serta sakit-



CHAN AH KOU

sakit sendi,” katanya kepada **Sinar Harian** ketika ditemui di kedai makannya dekat sini, kelmarin.

Chan mendakwa tiada sebarang petanda awal yang menunjukkan mereka dijangkiti penyakit ini malahan ia berlaku secara tiba-tiba dan ada yang sanggup berhabisan wang ringgit untuk menyembuhkan penyakit ini.

Menurutnya, penduduk berusia 40 ke atas lebih senang



Keadaan Pekan Broga yang kini masih lagi lengang.

dijangkiti berbanding dengan kanak-kanak dan jika ia menjangkiti kanak-kanak tempoh pemulihan adalah lebih cepat berbanding yang lain.

Sementara itu, Ketua Kampung Tarun Broga, Chong Chow Lin pula berpendapat jangkitan demam Chikungunya ini semakin

pulih sejak kebelakangan ini dan penduduk tidak perlu risau mengenainya lagi.

“Ada di antara mereka dijangkiti demam ini selepas pulang daripada menoreh getah dan Jabatan Kesihatan juga telah turun padang untuk memantau keadaan sekeliling agar ia terkawal,”

katanya.

Bagaimanapun, kini penduduk tidak lagi perlu berasa khuatir kerana keadaan telah pulih seperti biasa dan mereka boleh melakukan rutin harian seperti biasa dan orang luar yang ingin berkunjung ke kampung ini juga tidak lagi perlu risau.